



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 5 SEPTEMBER 2025



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN



TAGS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PROGRAM PERANTIS, RM 5 JUTA DIPERUNTUK - KPWKM		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/program-perantis,-rm-5-juta-diperuntuk-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/z2mQzfIIG8Y	YOUTUBE	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	RMK13: KERAJAAN FOKUS TINGKAT PENYERTAAN WANITA DALAM TENAGA BURUH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/rmk13-kerajaan-fokus-tingkat-penyertaan-wanita-dalam-tenaga-buruh	BERITA.RTM.GOV.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	GAJI MINIMUM PUNCA TASKA ENGGAN AMBIL BAYI		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/gaji-minimum-punca-taska-enggan-ambil-bayi/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/746552/berita/nasional/gabungan-24-persatuan-taska-gesa-kerajaan-beri-subsidi-pengasuhan-rm500-rm600-seorang-bayi	SINARHARIAN.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	OP PEDO: ADA KEMUNGKINAN RANGKAIAN ANTARABANGSA TERBABIT		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1260295/op-pedo-ada-kemungkinan-rangkaian-antarabangsa-terbabit	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/746568/berita/semasa/polis-siasat-kemungkinan-sindiket-pedofilia-ada-jaringan-antarabangsa	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://thesun.my/cerita/berita/sindiket-pedofilia-antarabangsa-ditumpaskan-polis-dalam-op-pedo-CO14830064	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1270346/cops-probe-international-link-child-porn-ring-after-johor-bust	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/04/busted-paedophile-ring-may-have-international-links-says-bukit-aman	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/04/police-say-busted-paedophilia-syndicate-may-have-international-ties	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/04/op-pedo-jaringan-antarabangsa-main-peranan-eksploitasi-bayi-budak	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/sindiket-jual-kandungan-pornografi-kanak-kanak-ada-jaringan-antarabangsa/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/04/sindiket-pornografi-kanak-kanak-mungkin-ada-rangkaian-antarabangsa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1442322/dar-k-web-jual-kandungan-lucah-bayi-kanak-kanak-mungkin-ada-jaringan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI DITUDUH CABUL ANAK TIRI DI BACHOK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1442154/lelaki-dituduh-cabul-anak-tiri-di-bachok	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-dituduh-cabul-anak-tiri-di-bachok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/04/mekanik-didakwa-pegang-anak-tiri-pada-awal-pagi-merdeka/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	FOOD DELIVERY MAN CLAIMS TRIAL TO MOLESTING WOMAN IN PLANE	THEBORNEOPOST.COM	NEGATIF

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	FOOD DELIVERY MAN CLAIMS TRIAL TO MOLESTING WOMAN IN PLANE	THEBORNEOPOST.COM	NEGATIF

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program PERANTIS, RM 5 juta diperuntuk - KPWKM

Nasional - Dicipta: 04 September 2025 04:59 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri

KUALA LUMPUR, 4 September- Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) diteruskan tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata ia susulan kejayaan penganjuran tahun lalu, selain sejarah untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam pembuat keputusan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

"Kejayaan PERANTIS pada tahun 2024 dapat dilihat apabila seramai 1,247 peserta dibimbing oleh 25 tokoh dalam 10 bidang terpilih. Justeru, program ini diteruskan pada tahun ini dengan peruntukan RM5 juta dengan sasaran penglibatan seramai 100 orang tokoh wanita dan 5,000 peserta.

Dari segi pencapaian 30 peratus golongan wanita dalam pembuat keputusan, sektor awam telah berjaya mencapainya, namun sektor swasta dilihat masih mencabar. Melalui PERANTIS, kita juga mahu menggalakkan lebih ramai wanita terlibat dalam politik dengan sokongan parti-parti politik," kata Datuk Seri Nancy di Dewan Negara, hari ini.

Sementara itu, beliau berkata sebanyak empat siri Program Inspirasi Wanita telah dilaksana melibatkan 1,813 peserta, setakat 8 Ogos lalu.

Ia program menfokuskan perkongsian ilmu dan pengalaman daripada tokoh-tokoh wanita dalam bidang ekonomi, kesejahteraan dan keselamatan.

Beliau menjawab soalan Senator Amir Md Ghazali mengenai inisiatif kementerian bagi meningkatkan kepimpinan wanita dalam pembuat keputusan di organisasi.

Program PERANTIS yang diperkenalkan pada tahun lalu oleh KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita merupakan platform membangunkan bakat kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang menerusi bimbingan tokoh wanita yang telah berjaya.

Ia merangkumi 10 bidang utama iaitu kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RMK13: Kerajaan fokus tingkat penyertaan wanita dalam tenaga buruh

Nasional - Dicipta: 04 September 2025 04:40 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri/BERNAMA

KUALA LUMPUR, 4 September- Kerajaan terus optimis memperkasa golongan wanita menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ia telah dirangka meliputi inisiatif berkaitan pekerjaan, latihan dan sokongan sosial.

Jelasnya, pelaksanaan itu dibuat dengan pendekatan yang lebih fokus serta bersasar.

"Antara inisiatif utama ialah meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 60 peratus dan mengembangkan sistem penjagaan sebagai intervensi langsung untuk mengurangkan halangan penjagaan yang mengkekang penyertaan ekonomi wanita."

RMK13 turut menekankan untuk memperkuuh sokongan kewangan serta ekosistem keusahawanan wanita serta pemberian insentif kepada majikan dan intervensi pasaran buruh yang turut meliputi galakan ibu untuk kembali bekerja," kata Datuk Seri Nancy di Dewan Negara, hari ini.

Tambah beliau, inisiatif itu juga sejajar dengan Dasar Wanita Negara (DWN) dalam memperkasa wanita dalam bidang ekonomi dan kepimpinan.

"Ia termasuk pengarusperdanaan gender dalam dasar dan bajet, dipantau melalui Audit Gender bagi memastikan wanita mendapat akses serta penyertaan yang adil dalam program dan projek berimpak tinggi."

Selain itu, penyertaan wanita dalam kepimpinan diperkasa melalui pelaksanaan kuota 30 peratus dalam jawatan pembuat keputusan di semua peringkat, selain meningkatkan program pembangunan kepimpinan wanita secara berterusan," tambahnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan inisiatif yang digariskan mampu direalisasikan dengan sokongan padu semua pihak demi memperkuuh peranan wanita sebagai pemacu pembangunan negara.

Beliau menjawab soalan Senator Tuan Amir Md Ghazali berhubung inisiatif dalam RMK13 untuk memperkasa wanita dalam bidang ekonomi dan kepimpinan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gaji minimum punca taska enggan ambil bayi



NORSHEILA Abdullah (empat dari kiri, bawah) selepas Sidang akbar: Isu Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Dewan Latihan Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak Berdaftar Malaysia (PPBM) di sini hari ini. - UTUSAN/HANAFI

Oleh HANAFI ZULKEFLI dan NUR AMYLIA AMALIN MUHAMAD RIZAN | 4 September 2025, 4:04 pm

PETALING JAYA: Kerajaan diharap supaya menyalurkan subsidi sekurang-kurangnya RM500 hingga RM600 bagi setiap kanak-kanak yang dihantar ke taman asuhan kanak-kanak (taska) berdaftar.

Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM), Prof. Norsheila Abdullah berkata, bantuan itu penting untuk menampung kos operasi serta memastikan pengusaha taska dapat mengambil bayi bawah setahun yang kini kebanyakannya ditolak kerana beban gaji minimum dan peraturan nisbah pengasuh.

"Ramai pengusaha taska mengakui mereka tidak mampu mengambil bayi bawah setahun kerana nisbah pengasuh yang ditetapkan tidak selari dengan kadar yuran sedia ada, sekali gus tidak mencukupi untuk menampung kos gaji dan operasi."

"Dengan yuran minimum sekitar RM600 seorang, jumlah yang diterima tidak mencukupi untuk membayar gaji, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) apatah lagi kos operasi," katanya pada sidang akbar di sini hari ini.

Menurut beliau, keadaan ini menimbulkan dilema kepada ibu bapa yang terpaksa mencari alternatif lain, termasuk menghantar anak kepada taska tidak berdaftar, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan dan kualiti penjagaan awal kanak-kanak.

Media sebelum ini melaporkan Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat Dewan Rakyat, Parlimen ke-15, mengesyorkan penggubalan satu akta khusus bagi mengawal selia dan membangunkan sektor penjagaan serta pendidikan awal kanak-kanak berumur 0 hingga enam tahun di Malaysia.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan Yeo Bee Yin berkata sektor pendidikan awal kanak-kanak masih berdepan cabaran besar dari segi dasar dan tadbir urus.

Sementara itu, tambah Norsheila, subsidi secara langsung kepada taska atau ibu bapa akan membantu meringankan beban kewangan, selain memastikan lebih banyak taska berdaftar mampu menampung bayi sejak usia awal.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Op Pedo: Ada kemungkinan rangkaian antarabangsa terbabit

Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my



M Kumar. FOTO Arkib NSTP.

Kuala Lumpur: Polis tidak menolak kemungkinan pembabitan rangkaian antarabangsa berhubung sindiket penjualan pornografi bayi menerusi Telegram dan *darkweb* yang ditumpaskan baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk M Kumar berkata, dapatan itu berdasarkan hasil siasatan pihaknya dan maklumat daripada pihak berkuasa asing berhubung kumpulan berkenaan.

Menurutnya, banyak kandungan tidak bermoral terbabit dikesan dimuat naik ke *darkweb* berkenaan.

"Siasatan Op Pedo ini masih berjalan dan kita (polis) terpaksa berhadapan dengan musuh tanpa mengetahui siapa musuh itu."

"Ini kerana, kita (polis) mengalami kesukaran untuk mengesan pemilik kepada *darkweb* berkenaan," katanya ketika ditemui selepas pertemuan Menteri Komunikasi dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Tiktok di Bukit Aman di sini hari ini.

Menurutnya, siasatan setakat ini masih berkisar kepada 11 individu yang ditahan di Johor Bahru menerusi Op Pedo pada 19 Julai hingga 19 Ogos lalu termasuk dalam kumpulan antara yang ditahan.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, seorang lelaki disyaki pedofilia berusia 29 tahun ditahan menerusi Ops Pedo.

M Kumar dilapor berkata, ketika tangkapan dibuat, polis menjumpai puluhan rakaman video dan ratusan gambar bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam telefon bimbit suspek.

Beliau berkata, suspek yang juga juruteknik itu menjadikan bayi dan kanak-kanak bagi tujuan rakaman adegan lucu dan seksual sebelum dimuat naik dalam '*darkweb*' dan aplikasi sembang Telegram.

Modus operandi suspek adalah mengiklankan dia mencari bayi untuk dijadikan anak angkat di Facebook.

Apabila iklan tersebar dan tular, wanita yang hamil luar nikah dan tiada pasangan akan hubungi suspek utama ini sebelum suspek menawarkan wang antara RM1,500 hingga RM3,500 selain menampung semua kos perubatan sehingga bersalin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki dituduh cabul anak tiri di Bachok

Hidayatidayu Razali - September 4, 2025 @ 1:28pm



Seorang bapa tiri yang berusia 34 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan tiri di sebuah rumah di Beris Kubor Besar. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KOTA BHARU: Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini hari ini, atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan tiri yang masih bawah umur, Ahad lalu.

Tertuduh berusia 34 tahun didakwa di hadapan Hakim Zulkifli Abllah mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama.

Seksyen 14 Akta 792 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dihukum sebat, manakala Seksyen 16(1) membawa hukuman penjara sehingga lima tahun dan tidak kurang dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Lelaki berkenaan didakwa melakukan jenayah itu terhadap mangsa berumur 14 tahun tiga bulan dalam bilik di sebuah rumah di kawasan Bachok pada jam 4 pagi, 31 Ogos lalu. Dia bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kamarul Hasyime Rosli, manakala tertuduh diwakili peguam, Nik Nor Nadri Nik Soh. Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 7 Oktober depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| Food delivery man claims trial to molesting woman in plane

BY SURAINI ANDOKONG ON SEPTEMBER 4, 2025, THURSDAY AT 8:19 PM

SABAH



Photo for illustration purposes only. – Photo from pexels.com

KOTA KINABALU (Sept 4): A part-time food delivery man claimed trial in a Magistrate's Court on Thursday to a charge of molesting a woman on a flight.

Md Yusuf Affendi, who appeared before magistrate Dzul Elmy Yunus, was alleged to have touched the 24-year-old victim's left thigh in the flight bound for Kota Kinabalu at 9.50pm on August 26.

The court fixed October 24 for pre-trial case management and released Md Yusuf on RM2,000 bail with two sureties.

In a separate case, a man was sentenced to 12 months' jail by a Magistrate's Court here for attacking a man with a samurai sword during a dispute in the city.

Mohd Firdaus Safri, 32, pleaded guilty before magistrate Marilyn Kelvin to causing hurt to the 34-year-old man with the sharp weapon near a café here on May 22.

He was ordered to serve his jail term from the date of his arrest.